



## SIARAN AKHBAR

---

### LAWATAN KEEMPAT

#### LAWATAN YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA KE TAPAK-TAPAK PERUSAHAAN PERTANIAN DI DAERAH BRUNEI-MUARA

**Bandar Seri Begawan. Sabtu, 30 Januari 2021M** - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hari ini meneruskan lagi program lawatan siri keempat iaitu yang terakhir bagi Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara ke beberapa lokasi tapak-tapak perusahaan pertanian di Daerah Brunei-Muara. Lawatan ini adalah merupakan lanjutan daripada beberapa siri lawatan yang telah diatur oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada 20hb, 25hb dan 27hb Januari 2021 yang lalu, bagi mengongsikan serta memberigakan mengenai dengan perkembangan dan pencapaian terkini aktiviti-aktiviti atau kegiatan-kegiatan perusahaan yang berkaitan dengan industri pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan di Negara ini. Selain daripada itu, program lawatan kerja ini juga diatitkan bagi memberi pendedahan kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara mengenai dengan teknik serta sistem perladangan moden dan teknologi-teknologi yang digunakan oleh pengusaha-pengusaha dalam meningkatkan produktiviti dan hasil keluaran ladang perusahaan masing-masing; penglibatan anak-anak tempatan sebagai pemilik secara persendirian ataupun usahasama (joint-venture) dengan pengusaha-pengusaha asing; dan juga peluang-peluang pekerjaan yang mampu disediakan untuk anak-anak tempatan.

Seramai 15 orang rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah menyertai program lawatan ini, yang mana disertai sama oleh Yang Mulia Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut menyertai lawatan tersebut ialah Yang Mulia Awang Mohd Yusree bin Hj Junaidi, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; serta Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai kanan yang berkenaan dari Kementerian dan juga Jabatan-Jabatan di dalamnya.

Ladang pertama yang dilawat oleh rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara adalah ladang **Syarikat IAm Food Enterprise** yang dimiliki oleh Mr Lau Cze Kuang dan diurus oleh Ms Ellin Chong. Ladang milik Syarikat IAm Food Enterprise ini terletak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Tungku. Syarikat ini telah ditawarkan tapak seluas 2 hektar di bawah projek rintis pada September 2019 bagi mengusahakan aktiviti tanaman sayur-sayuran bernilai tinggi seperti tomato dan daun salad dan buah-buahan tidak bermusim menggunakan sistem *vertical farming* dan fertigasi dalam rumah terlindung, dengan menggunakan teknologi *Internet of Things* (IoT). Di sini, rombongan



Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah diberi penerangan oleh pemilik syarikat dan berkesempatan untuk meninjau serta melihat kerja-kerja pembinaan serta pemasangan peralatan-peralatan kemudahan rumah terlindung yang sedang dalam pelaksanaan dan kini hampir siap. Pada masa ini, seramai 8 orang anak tempatan telah diambil bekerja di bawah Syarikat ini.

Dari Syarikat IAM Food Enterprise, rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara meneruskan sesi lawatan ke ladang milik **Syarikat Hua Ho Agricultural Farm** yang terletak di **Kawasan Kemajuan Pertanian Si Bongkok, Kg Parit, Masin**, yang dimiliki dan diurus oleh Awang Lau How Teck, di atas tapak yang keseluruhannya seluas lebih kurang 52 hektar. Syarikat Hua Ho Agricultural Farm telah ditawarkan tapak tambahan di bawah program pembesaran kawasan bagi membolehkan syarikat tersebut mengusahakan tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran secara bersepadu (*integrated*) bagi membolehkan pihak syarikat terus berkembang dan menyumbang ke arah meningkatkan keluaran industri tanaman di negara ini, secara amnya. Pada tahun 2020, nilai keluaran hasil ladang syarikat ini meningkat berbanding nilai keluaran pada tahun 2019, iaitu dari \$10.4 juta (2019) kepada \$11.2 juta (2020). Pada masa ini, pihak syarikat memiliki seramai 68 pekerja, yang mana 10 pekerja adalah terdiri dari anak tempatan.

Rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara seterusnya melawat ke Tapak DARE Kuala Lurah, iaitu Projek Pemprosesan Bahan Sisa Buangan Ladang Ternakan Menjadi Baja Organik yang dikendalikan oleh Syarikat: **CIC Environmental Services Sdn Bhd**. Projek ini dilaksanakan tanpa melibatkan sebarang perbelanjaan Kerajaan iaitu dilaksanakan secara inisiatif pihak swasta (Private Finance Initiative (PFI)) dengan sokongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Projek mengubah dan mengoptima najis ayam menjadi baja organik ini dijangka akan dapat membantu memperbaiki tahap kesuburan tanah yang seterusnya akan meningkatkan keluaran dan produktiviti ladang tanaman serta mengurangkan kos input operasi peladang di Negara ini. Ini juga merupakan salah satu usaha untuk mengatasi isu infestasi lalat di beberapa buah kampung di Mukim Pengkalan Batu yang dikatakan berkemungkinan berpunca daripada ladang ternakan ayam. Selain turut mewujudkan peluang-peluang pekerjaan (spin off), ia juga diharap akan dapat mengurangkan perbelanjaan Kerajaan dalam memberikan bantuan berupa harga subsidi terhadap barangan pertanian antaranya seperti baja, racun dan kapur dolomit (dolomite lime). Projek ini akan memulakan operasi pada suku pertama tahun 2021 ini dan akan menjadi baja organik pertama buatan tempatan yang akan dipasarkan secara komersial di dalam Negara dan juga disasarkan untuk pasaran eksport pada jangka masa panjang.

Program lawatan kerja yang diatur bagi rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis



Mesyuarat Negara pada tahun ini diakhiri dengan sesi maklum balas diantara pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama dengan Yang Berhormat Ahli- Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang menyertai rombongan lawatan berkenaan. Sesi maklum balas tersebut telah diadakan di Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang mana turut dihadiri sama oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian dan Jabatan-Jabatan berkenaan di bawahnya. Sesi maklum balas ini adalah bertujuan untuk mendapatkan ulasan, pandangan serta apa jua cadangan pembaikan dari pihak Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara berhubung dengan perkembangan industri pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan di Negara ini, iaitu setelah mengikuti lawatan-lawatan yang dikendalikan oleh pihak Kementerian ini sejak dari sesi lawatan yang pertama, yang telah diadakan pada 20hb Januari 2020 yang lalu. Ulasan, pandangan dan cadangan daripada sesi maklum balas ini nanti akan dijadikan sebagai sukat-sukat dan input yang berguna bagi pihak Kementerian untuk memperbaiki strategi serta meningkatkan usaha ke arah memastikan produktiviti dan keluaran dari industri pertanian, perikanan dan perhutanan, serta jumlah pelancong ke Negara ini, akan terus meningkat dari tahun ke tahun, bagi menyumbang ke arah usaha untuk mempelbagaikan sumber ekonomi dan meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

**/TAMAT.**

Dikeluarkan oleh:  
Unit Perhubungan Awam  
Bahagian Pengurusan dan Kewangan  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Tarikh: 30 Januari 2021